

Pemanasan global cetus bencana

Pakar PBB dakwa banjir landa Pakistan, China terburuk dalam sejarah

Benfa Harian 12/08/2010 NIS 37

LONDON: Pakar perubahan iklim berkata, fenomena pemanasan global memungkinkan menjadi punca tercetusnya banjir besar di Pakistan, kebakaran hutan di Russia dan tanah runtuh di China sekarang.

Hampir 14 juta orang terjejas oleh banjir di Pakistan menjadikan bencana itu lebih buruk daripada kejadian tsunami 2004 dan gempa bumi di Kashmir dan Haiti.

Bencana banjir terbaru itu yang dianggap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terburuk dalam sejarah terdekat, disebabkan oleh kehadiran 'supercharged jet stream' atau gelombang besar angin kencang yang juga dikatakan menjadi punca banjir di China dan cuaca panas berpanjangan di Russia yang menyebabkan kebakaran hutan.

Pakar PBB dari beberapa universiti di seluruh dunia berkata, fenomena cuaca ekstrem dialami sekarang membuktikan kesan pemanasan global semakin dirasai.

Jean-Pascal van Ypersele, naib presiden IPCC, badan PBB yang ditugaskan untuk memantau pemanasan global, berkata cuaca ekstrem itu adalah konsisten dengan perubahan iklim yang dibawa oleh aktiviti manusia.

"Cuaca ekstrim dialami sekarang terus dicetus dan diburukkan lagi oleh fenomena pencemaran rumah hijau yang terhasil daripada aktiviti manusia," katanya.

PBB berkata, banjir melanda Pakistan sekarang adalah krisis kemanusiaan terburuk sejak beberapa tahun lalu dengan 13.8 juta orang ter-



PASUKAN penyelamat membawa mangsa banjir di Baseera, Muzaffargarh menaiki bot ke tempat selamat.

jejas dan 1,600 orang terkorban setakat ini.

Banjir dan tanah runtuh yang melanda China sejak tiga hari lalu sudah menyebabkan 702 orang terkorban dan lebih 1,000 orang dilaporkan hilang, di samping menyebabkan kerosakan berbilion dolar di 28 wilayah.

Di **RUSSIA**, rumah mayat hampir penuh di Moscow ketika negara itu dilanda kebakaran hutan yang dicetuskan cuaca panas terburuk sejak 130 tahun lalu.

Ketua pemantauan iklim di Pejabat Meteorologi Britain, Dr Peter Stott, berkata hampir mustahil untuk me-



SEORANG wanita meratapi mayat anaknya dibaluti selimut yang menjadi korban tanah runtuh di Zhouqu, wilayah Gansu.

nyatakan fenomena cuaca ekstrem dialami semata-mata disebabkan pemanasan global.

Namun beliau berkata, wujud bukti jelas peningkatan kekerapan fenomena cuaca ekstrem berikutan pemanasan global.

Dr Stott berkata, pemanasan global dikatakan menjadi punca kepada fenomena cuaca ekstrem kerana apabila atmosfera lebih panas ia mempunyai keupayaan untuk menampung lebih banyak air dan berikutan itu mencetuskan hujan lebat dan banjir yang lebih teruk seperti disaksikan di Pakistan dan China. - Agensi